



SOALAN LAZIM

PROGRAM PEMBANGUNAN PROFESIONAL PROFESSIONAL DEVELOPMENT PROGRAMME (Pro-P) 2022

1. Apakah itu *Professional Development Programme (Pro-P)*?

Professional Development Programme (Pro-P) adalah program penajaan pelajaran berbentuk **Pinjaman Boleh Ubah** di bawah Majlis Amanah Rakyat (MARA) ke peringkat Profesional/Pakar di Institusi Pengajian Tinggi terkemuka dalam dan luar negara kepada graduan cemerlang dalam bidang yang memberi impak yang besar kepada keperluan guna tenaga negara.

2. Apakah kursus dan syarat kelayakan untuk melayakkan saya memohon Program Pro-P?

Kursus dan syarat kelayakan Program Pro-P boleh dirujuk di dalam garis panduan permohonan semasa permohonan dibuka.

3. Bagaimanakah cara untuk saya memohon Program Pro-P?

Permohonan boleh dibuat secara atas talian melalui Portal MARA <http://www.mara.gov.my> apabila permohonan dibuka. Pemohon hendaklah mendaftar terlebih dahulu sebagai **pengguna baharu** sebelum mengisi permohonan. Dokumen sokongan perlu dimuatnaik semasa permohonan dibuat. Pemohon juga dinasihatkan membaca dan memahami garis panduan yang disediakan sebelum membuat permohonan.

4. Bilakah permohonan akan dibuka?

Permohonan akan dibuka **bermula 09 Ogos (Selasa) sehingga 23 Ogos 2022 (Selasa)**.

5. Bolehkah saya memohon Program Pro-P sekiranya Ibu saya telah disenarai hitam MARA?

Tidak boleh. Ibu, ayah, penjaga, penjamin dan pemohon perlu bebas dari senarai hitam MARA. Pemohon dinasihatkan segera menyemak status senarai hitam di Bahagian Kawalan Kredit MARA sebelum memohon Program Pro-P.

6. Sekiranya permohonan telah ditutup, adakah saya boleh memohon secara manual menggunakan surat permohonan?

Tiada permohonan secara manual dibenarkan.

7. Jika saya tidak memenuhi syarat kelayakan yang ditetapkan tetapi saya ingin mencuba untuk memohon, adakah dibenarkan?

Pemohon dinasihatkan untuk menyemak syarat kelayakan terlebih dahulu sebelum membuat permohonan. Hanya pemohon yang memenuhi syarat kelayakan sahaja akan dipertimbang untuk ditawarkan Program Pro-P.



SOALAN LAZIM

PROGRAM PEMBANGUNAN PROFESIONAL *PROFESSIONAL DEVELOPMENT PROGRAMME (Pro-P) 2022*

- 8. Adakah saya perlu menduduki ujian psikometrik atau proses temuduga selepas memohon?**
Sebarang maklumat berkaitan ujian psikometrik atau proses temuduga akan dimaklumkan kepada pemohon dari semasa ke semasa melalui emel.

- 9. Apakah bentuk tajaan yang akan saya terima sekiranya ditawarkan dalam Program Pro-P?**
Tajaan pinjaman pelajaran **dalam negara** merangkumi Yuran Pengajian, Elaun Sara Hidup serta Elaun Pengangkutan. Elaun Pengangkutan (pergi & balik) hanya akan dibayar kepada pelajar Semenanjung yang mendapat tawaran pengajian di Sabah/Sarawak atau pelajar Sabah/Sarawak yang mendapat tawaran pengajian di Semenanjung.
Bagi pengajian **luar negara** tajaan pinjaman pelajaran merangkumi Yuran Pengajian, Elaun Sara Hidup, Elaun Penempatan, Elaun Pengangkutan (pergi & balik), Visa dan Insurans.

- 10. Adakah permohonan pengajian ini terbuka secara separuh masa?**
Tidak. Permohonan ini terbuka kepada pengajian secara **sepenuh masa** sahaja.

- 11. Adakah saya perlu menghantar borang atau apa-apa dokumen selepas membuat permohonan?**
Pemohon terlebih dahulu mengisi dan melengkapkan permohonan secara atas talian (*online*). Pemohon disarankan mencetak slip pengesahan permohonan untuk tujuan rujukan. Penghantaran dokumen hanya perlu dibuat sekiranya pihak MARA meminta pemohon berbuat demikian.

- 12. Bilakah saya boleh membuat semakan keputusan?**
Pemohon adalah dinasihatkan untuk sentiasa membuat semakan di talian <https://myeduloan.mara.gov.my/v3/#/Login> dari semasa ke semasa bagi mengetahui sebarang maklumat terkini.

- 13. Sekiranya mempunyai permohonan terdahulu seperti (jenis tajaan: WTU/TESP/PRO-P/IESP) dan berstatus ‘hantar’ dan ingin membatalkan permohonan tersebut? Bagaimana ia perlu dilakukan?**
Sila emel ke prop@mara.gov.my dengan menyertakan nombor KP dan nama bagi membatalkan permohonan terdahulu atau boleh menghubungi pegawai di talian yang diberi.



SOALAN LAZIM

PROGRAM PEMBANGUNAN PROFESIONAL PROFESSIONAL DEVELOPMENT PROGRAMME (Pro-P) 2022

- 14. Bagaimanakah dokumen-dokumen lampiran perlu dimuatnaik ke dalam sistem?**
Semua dokumen perlulah dimuatnaik ke dalam sistem dalam bentuk .pdf dan di dalam satu file .zip/.rar.
- 16. Berapakah saiz maximun file yang boleh diupload ke dalam sistem?**
Saiz fail yang telah di zipkan tidak melebihi 10MB.
- 17. Sekiranya telah memuatnaik dokumen ke sistem beberapa kali tetapi masih tidak berjaya, apakah yang perlu dilakukan?**
Dicadangkan supaya ke *history browser* untuk delete *history/cookies* bagi mendapatkan paparan yang lebih cepat dan terkini, sekiranya masih tidak boleh memuatnaik dokumen, sila tukar browser lain yang biasa digunakan (contoh *browser*: firefox, mozilla, edge. internet explorer)
- 18. Adakah permohonan saya dianggap berjaya sekiranya status di dalam sistem Pengesahan Lengkap?**
Setiap permohonan yang berstatus Pengesahan Lengkap telah melepas semakan dokumen dan perlu mendapat kelulusan peruntukan sebelum surat tawaran dapat dikeluarkan.
- 19. Bagaimanakah cara untuk saya menghubungi MARA sekiranya ada sebarang pertanyaan?**
Sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut boleh menghubungi talian dan emel seperti berikut:-

Telefon	:	03-2613 2103 / 2054 / 32075
Emel	:	prop@mara.gov.my